

Penerapan Kaedah Ungkapan Kreatif bagi Pengajaran dan Pembelajaran Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*: Penelitian Terhadap Dua Orang Guru Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Enam

Nadhrahtul Nadhirah Rosli¹, Marzni Mohamed Mokhtar^{2*} & Siti Suria Salim³

^{1,2} Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

³ Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran novel Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) seringkali menjadi perbincangan dalam kalangan guru. Hal ini kerana teks sastera memerlukan tumpuan kognitif pelajar memahami dan menghayati kandungan pelajaran yang terdapat di dalamnya. Malah, pengajaran novel juga memerlukan guru berfikir secara kreatif dalam usaha melaksanakan penyampaian pengajaran yang berkesan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti pemahaman dan cara dua orang guru KMK Tingkatan Enam di Melaka menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif. Dua orang guru KMK Tingkatan Enam merupakan guru pakar telah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan bagi membekalkan data kepada pengkaji. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan temu bual secara mendalam. Data yang diperolehi dianalisis dengan cara penelitian dan pembinaan tema yang relevan bagi menjawab soalan kajian. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa segelintir peserta kajian memahami maksud kaedah ungkapan kreatif pengajaran, namun peserta kajian berjaya membuat penerapan kaedah ungkapan kreatif dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Kajian ini dilihat memberikan impak terhadap pemahaman guru terhadap amalan pengajaran novel menerusi penerapan kaedah ungkapan kreatif yang merangkumi lima cara iaitu membuat warkah, mencipta sajak, menerapkan elemen seni lukis, mencipta syair dan penggunaan peribahasa berdasarkan situasi yang terdapat dalam novel.

Kata Kunci: Kajian Kes, Penyelidikan Kualitatif, Kaedah Ungkapan Kreatif, Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

ABSTRACT

The choice of teaching and learning methods for Communicative Malay Literature novels has become a debate among teachers. Reading and understanding literary texts require the cognitive focus of students to understand and appreciate the content of the lessons contained in them. The teaching of novels also requires teachers to think creatively to implement effective teaching delivery. Therefore, the purpose of this study is to explore the understanding and the way two Form Six teachers in Melaka apply the method of creative expression in teaching and learning the novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)*. This study was conducted using a qualitative case study approach that is composed of two teachers of Malay Literature Communicative for Form Six. Information from participants was obtained through in-depth interviews. The data obtained were analyzed from transcriptions. Overall, the findings of the study show that some teachers understand the meaning of teaching methods and some do not. Although some teachers did not understand the meaning of the creative expression method, they still applied it in a lesson. This study is seen to have an impact on teachers' understanding of novel teaching practice through the application of creative expression methods which include five ways, namely writing letters, writing poems, applying artistic elements, creating poetry and the use of proverbs based on situations in novels.

Keywords: Case Study, Qualitative Research, Creative Expression Method, Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

* Corresponding author: marzni@upm.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan di sekolah menengah. Selain itu, mata pelajaran ini juga turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar pra-Diploma di Tingkatan Enam. Antara kandungan yang diajarkan dalam mata pelajaran KMK ialah cerpen, novel, prosa tradisional, puisi moden dan sebagainya. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menyediakan Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) KMK sebagai panduan kepada para guru dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima yang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan kesusasteraan, berkemahiran dalam menghasilkan karya kreatif yang menepati ciri-ciri, berkeperibadian mulia dan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara serta mampu memahami, menghayati dan menghargai karya sastera.

Matlamat KMK bagi pelajar Tingkatan Enam juga adalah sama tetapi terdapat sedikit penambahan, iaitu keutuhan pendidikan berteraskan teks sastera. Fokus teras sukatan pelajaran KMK adalah untuk merangsang pertumbuhan dan perkembangan sahsiah daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI), kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, patriotisme, kenegaraan, nilai murni, estetik, budi bahasa, ketahanan diri serta keutuhan pendidikan berteraskan teks sastera terpilih di samping menerokai disiplin, mengkomunikasikan ilmu, penulisan kreatif, prinsip pengurusan serta elemen multimedia dalam sastera (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

PERNYATAAN MASALAH

Isu Kesusasteraan Melayu timbul disebabkan ketiadaan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu yang lengkap untuk dilaksanakan di semua sekolah. Malah, dikatakan terdapat guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak layak untuk mengajar mata pelajaran tersebut disebabkan ilmu Kesusasteraan Melayu yang masih tidak mencukupi serta mereka juga tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Guru-guru Kesusasteraan Melayu didapati tidak dapat membezakan istilah-istilah pendekatan, kaedah dan teknik. Pengabaian pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan juga menjadi salah satu faktornya. Mereka hanya menggunakan bahan bantu mengajar yang mudah didapati dan tidak terjamin kebolehpercayaannya seperti buku ulasan teks. Kekurangan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran disebabkan oleh guru-guru yang tidak berminat dengan mata pelajaran tersebut. Mereka menganggap bahawa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran yang mudah, jika dibandingkan dengan mata pelajaran lain sehinggakan mereka tidak menggunakan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran berlangsung (Ibrahim Salleh, 1985).

Pelaksanaan pengajaran novel pula masih lagi menggunakan pendekatan tradisional. Pendekatan tradisional merupakan pendekatan pengajaran sehala yang hanya melibatkan guru berbicara sendirian ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa penglibatan pelajar-pelajar. Semasa sesi pembelajaran berlangsung, guru masih lagi mengarahkan pelajar-pelajar untuk membaca teks sahaja. Situasi menjadi lebih parah apabila pengajaran tersebut hanya lebih berpandukan kepada buku ulasan semata-mata. Aktiviti kumpulan juga tidak digunakan dalam pendekatan ini menjadikan pengajaran novel sangat membosankan (Mohd Rasdi Saamah, 2001).

Dalam artikel Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mendapati pembelajaran pemahaman bacaan dan kemahiran berfikir kreatif pelajar juga berada pada tahap rendah dan tahap sederhana. Hal ini akan menyebabkan pengetahuan terhadap penggunaan ungkapan kreatif dan diksi dalam penulisan kreatif akan berkurangan atau tidak dititikberatkan. Terdapat kajian lepas berkaitan tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran berfikir kritikal, kritis dan kreatif serta kemahiran berfikir aras tinggi juga berada pada tahap rendah dan tahap sederhana (Siti Nurliyana, 2015). Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat penerapan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran yang memerlukan pelajar mengaplikasikan keupayaan berfikir mereka.

Seterusnya, pengajaran sastera dianggap juga sebagai mata pelajaran yang membosankan dalam kalangan pelajar. Hal ini terjadi kerana kaedah serta teknik pengajaran guru itu sendiri yang tidak mampu untuk menarik minat pelajar-pelajar mereka. Semua guru yang mengajar mata pelajaran sastera hendaklah mempunyai inisiatif yang tersendiri untuk menarik minat pelajar-pelajar. Menurut Rafiza Abdul Razak (2013), pelbagai usaha dijalankan bagi memupuk minat mempelajari sastera dalam kalangan pelajar. Minat membaca dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor pencapaian. Membaca teks sastera memerlukan cabaran-cabaran intelektual yang berbeza. Membaca teks sastera bukan hanya untuk menikmati maksud yang tersurat, tetapi juga maksud tersirat melalui penaakulan dan gerak hati. Unsur sastera dalam pendidikan berfungsi untuk memperluaskan pemikiran individu kerana karya sastera mempunyai makna yang tersirat yang perlu diketahui oleh pembaca. Sememangnya terdapat pelbagai usaha dilakukan bagi memupuk minat pelajar-pelajar mempelajari sastera. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui penerapan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (*SBDKL*).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti penerapan kaedah ungkapan kreatif bagi pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL* dalam kalangan guru KMK Tingkatan Enam di Melaka. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti kaedah pengajaran novel oleh dua orang guru KMK Tingkatan Enam di Melaka, meneroka pemahaman dua orang guru KMK Tingkatan Enam terhadap kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL*. Seterusnya untuk meneliti cara dua orang guru KMK Tingkatan Enam di Melaka menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel *SBDKL*.

Persoalan Kajian

- i. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru KMK Tingkatan Enam dalam pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL*?
- ii. Apakah pemahaman guru KMK Tingkatan Enam terhadap kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL*?
- iii. Bagaimanakah guru KMK Tingkatan Enam menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL*?

Pengajaran Novel di Malaysia: Situasi dan Isu

Novel merupakan karya sastera yang mengandungi komponen intrinsik dan ekstrinsik yang diwakili oleh kata-kata atau tulisan serta menggunakan unsur imaginasi bagi disepadankan dengan gambaran dunia sebenar (Fathia Rosyida, Sutrimah Sutrimah & Garwati Garwati, 2021). Novel dapat diertikan sebagai wahana pemanfaatan bahasa dan gaya bahasa yang ditulis oleh seorang novelis untuk menyampaikan sebuah idea dan diperkukuhkan menerusi nilai estetika dan didik hibur (Fathia Rosyida, Sutrimah Sutrimah & Garwati Garwati, 2021). Kebiasaannya, kandungan novel mempunyai turutan peristiwa yang terjadi pada masa lampau atau melibatkan pengalaman dan pengetahuan untuk menyemarakkan kembali sejarah agar pembaca mendapatkan pengetahuan tersebut.

Pengajaran novel di Malaysia selaras dengan tujuan pendidikan di Malaysia untuk mendidik masyarakat yang berakhlak mulia. Novel merupakan salah satu medium pendidikan di sekolah yang mengandungi nilai-nilai murni dan pengajaran dalam karya-karya sastera (Maridah Alias, 2005). Penggunaan novel sebagai bahan pendidikan ini dilihat bertepatan dengan gagasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberikan perhatian kepada usaha melahirkan generasi insan kamil dan memakmurkan masyarakat. Hal ini diperkukuhkan menerusi penggunaan novel *Sutera Dalam Lukisan* dalam pelajar-pelajar peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menampilkan isu berkaitan perjuangan dan kesusahan yang dilalui golongan yang kurang bernasib baik dan menghadapi masalah kesihatan mental. Pemilihan pemikiran dan persoalan sebegini dapat mendidik masyarakat dalam usaha memupuk kesedaran dan membudayakan amalan cakna akan kehidupan golongan yang memerlukan sokongan dan tidak memandang enteng terhadap isu kesihatan mental menerusi watak Adila berusaha untuk memulihkan kesihatan Bujei yang menghidapi gangguan mental.

Ani Omar (2015) pula mengutarakan pandangan mengenai kepentingan bahan Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan seperti novel, cerpen, puisi dan sebagainya dapat menyumbang kepada pembinaan teras perpaduan, membentuk kekuatan jati diri serta dapat memupuk semangat patriotisme. Bahan Kesusasteraan Melayu tersebut juga dapat membentuk emosi remaja yang membacanya. Golongan remaja merupakan antara golongan yang sering menghadapi konflik emosi. Pastinya pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian dapat menimbulkan kesan terhadap pemikiran dan emosi pembaca. Justeru, pemilihan novel yang menjadi teks bacaan utama di sekolah menengah dapat mempengaruhi pemikiran remaja sebagai salah satu inisiatif mempraktikkan amalan membaca dalam kehidupan seharian mereka. Malah, pemilihan teks novel ini juga dapat membentuk nilai-nilai estetik dalam diri golongan remaja. Pemupukan amalan membaca ini juga mampu menjadikan pelajar sekolah menengah meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, menjadi lebih kreatif dan akan mempunyai imaginasi yang tinggi yang akan mempengaruhi perkembangan daya cipta pelajar-pelajar.

Seterusnya, setiap pengajaran sudah semestinya mempunyai isu dan cabarannya yang tersendiri. Antara isu dan cabaran dalam pengajaran novel ialah pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru. Pengajaran di dalam bilik darjah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman pelajar-pelajar. Guru acapkali menggunakan pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru dan aktiviti pengajaran hanya bertumpu pada guru sahaja. Hal ini akan menyebabkan pelajar-pelajar berasa bosan mempelajari teks novel kerana hanya berlaku komunikasi sehalu sahaja. Kajian Muliana Tanah (2011) menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu di sekolah lebih cenderung untuk mengajar menggunakan pendekatan berpusatkan guru.

Selain itu, Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat (2011) menyatakan bahawa faktor pelajar-pelajar tidak menggemari pengajaran novel kerana teks novel tidak menarik dan sukar untuk difahami. Teks

yang tidak menarik adalah berkaitan dengan isi kandungan serta isi yang terlalu lama dan tidak sesuai dengan keadaan semasa pelajar. Teks tersebut juga sukar difahami kerana terlalu panjang dan laras bahasa yang digunakan sangat tinggi serta ke arah sesuatu bidang seperti bidang ekonomi yang digunakan dalam novel *SBDKL*.

Teori Pembelajaran Kognitivisme

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pembelajaran Kognitivisme. Teori Pembelajaran Kognitivisme merupakan satu teori yang berkaitan dengan pembelajaran sebagai perubahan dalam pengetahuan yang disimpan dalam memori. Teori ini dipelopori oleh Jean Piaget pada tahun 1954. Teori ini menjelaskan bahawa seseorang itu akan mula belajar dengan cara memberi perhatian ke atas sesuatu ransangan (Mohamad Zaki Mohamad, 2012). Selain itu, teori kognitivisme ini juga berkaitan dengan mental. Hal ini menyebabkan teori ini berkait rapat dengan ingatan jangka panjang dan ingatan jangka pendek.

Teori ini menumpukan kepada bagaimana seseorang itu memproses maklumat. Segala maklumat yang baharu akan disimpan pada ingatan jangka pendek. Kemudian, ianya akan diproses sebelum disimpan ke ingatan jangka panjang. Melalui gabungan antara pengetahuan (maklumat yang diproses) dan kemahiran dalam ingatan jangka panjang akan membina strategi kognitif atau kemahiran yang berkaitan dengan tugas-tugas yang kompleks. Teori Pembelajaran Kognitivisme memberi panduan yang signifikan kepada pengkaji untuk melihat bagaimana penerapan kaedah ungkapan kreatif ini dalam pengajaran novel serta ia juga digunakan untuk mencungkil tahap pengetahuan guru terhadap konsep ungkapan kreatif.

Teori Pembelajaran Kognitivisme mengandungi empat konsep asas yang mendasari penelitian pengkaji terhadap pemahaman dan cara dua orang guru KMK Tingkatan Enam menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL*. Jadual 1 menunjukkan huraian mengenai empat konsep asas Teori Pembelajaran Kognitivisme, iaitu skemata, asimilasi, akomodasi dan keseimbangan.

JADUAL 1
Konsep-Konsep Asas Berhubung dengan Teori Kognitif Piaget

Konsep	Takrif
Skemata	Struktur kognitif yang berubah untuk mengadaptasikan maklumat baharu.
Asimilasi	Penerimaan maklumat baharu sebagai selaras dengan skemata sedia ada.
Akomodasi	Pengubahsuaian skemata yang ada bagi menerima maklumat yang baharu.
Keseimbangan	Gabungan proses asimilasi dan adaptasi yang membantu dalam keseimbangan terhadap pengetahuan, kepercayaan dan pengalaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif amat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kajian ini bermatlamat untuk memahami fenomena manusia melalui tafsiran pengkaji. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kajian kualitatif merupakan sebuah kajian yang mempunyai bentuk datanya yang tersendiri jika dibandingkan dengan kajian kuantitatif. Kajian kualitatif juga membuktikan bahawa data kajian tidak boleh diterjemahkan dalam bentuk nombor. Data kualitatif dapat diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Selain itu, nota lapangan dan diari pengkaji juga merupakan sokongan utama dalam kajian ini.

Pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bertujuan, iaitu memilih peserta kajian yang menggunakan teks novel *SBDKL* dalam pengajaran KMK di sekolah. Pemilihan dua orang guru KMK Tingkatan Enam ini bertepatan kerana dianggap sebagai pakar yang dapat membekalkan data yang bermakna dan kaya menerusi pemberatan perspektif dan pengalaman mereka. Penglibatan dua orang peserta kajian ini juga memudahkan pengkaji untuk mentadbir dan menguruskan data yang diperoleh secara kualitatif. Seterusnya, jawapan yang diberikan oleh peserta kajian lebih objektif kerana bentuk jawapannya merupakan jawapan setiap individu, bukannya jawapan pilihan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kajian ini telah dilaksanakan di dua buah sekolah di Masjid Tanah dan Tanjung Kling, Melaka.

Teks yang dipilih sebagai dokumen utama kajian ialah novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)*. Bagi meneliti penerapan kaedah ungkapan kreatif dalam novel *SBDKL*, pengkaji telah menggunakan teknik temu bual separa berstruktur dan mendalam untuk mendapatkan maklumat kajian. Teknik temu bual ini dilakukan untuk mendapatkan pengalaman serta untuk melihat perlakuan mereka. Bagi kajian ini, pengkaji telah mengumpul data dengan merakam temu bual berkenaan dan mencatat hasil temu bual tersebut. Pengumpulan data dilaksanakan selama dua hari, iaitu pada 8 Disember 2020 dan 10 Disember 2020. Temu bual yang dijalankan pada 8 Disember 2020 berlangsung selama 28 minit, 45 saat, manakala temu bual yang dijalankan pada 10 Disember 2020 berlangsung selama 28 minit, 6 saat. Data-data yang diperolehi kemudiannya dianalisis melalui penulisan semula transkripsi temu bual. Setelah verbatim disediakan, pengkaji kemudiannya menyaring kod terpilih dan membina tema bagi menjawab persoalan kajian berkaitan pemahaman dan cara pelaksanaan dua orang guru KMK Tingkatan Enam menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *SBDKL*.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menunjukkan dapatan kajian berkaitan pemahaman dan cara dua orang guru KMK Tingkatan Enam di Melaka melaksanakan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel. Tema yang dibina berdasarkan kajian ini merangkumi pemahaman peserta kajian terhadap kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel, cara melaksanakan kaedah ungkapan kreatif semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan novel *SBDKL*.

Pemahaman Terhadap Kaedah Ungkapan Kreatif dalam Pengajaran Novel

Kaedah ungkapan kreatif merupakan kaedah yang digunakan untuk memberi peluang kepada pelajar bagi meluahkan perasaan mereka melalui sesebuah karya serta cara seseorang pelajar itu meluahkan dengan menggunakan pelbagai gaya dan bentuk bersepadu. Berikut merupakan pemahaman peserta kajian.

P1 *“Maknanya luahan, luahan dari hati, benda-benda yang cantik diungkapkan melalui perkataanlah. Digambarkan oleh fikiran. Perkara-perkara yang indah, yang cantik... orang kata di luar kebiasaan supaya hasil tu lebih... lebih... orang kata... indah lah kan”.*

P2 *“Sebenarnya cikgu tak berapa... tak berapa nak faham lah kaedah ungkapan kreatif ni apa. Aaaaa... mungkin kaedah ungkapan kreatif ni macam kita boleh merangsang pelajar mengikut kreativiti diaoranglah”.*

“...cikgu memang gunakan teknik main peranan, teknik bercerita aaaa... teknik sambung cerita pun ada tapi cikgu suka teknik bola beracun”.

Berdasarkan pernyataan di atas, peserta kajian menyatakan bahawa P1 lebih memahami tentang maksud kaedah ungkapan kreatif berbanding dengan P2. P2 beranggapan bahawa kemungkinan kaedah ungkapan kreatif itu, membolehkan seseorang guru itu merangsang kreativiti seseorang pelajar ketika berada di dalam kelas. Bagi P1 yang memahami kaedah ungkapan kreatif menyatakan bahawa kaedah ungkapan kreatif merupakan satu kaedah yang dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meluahkan perasaan dalam hati mereka dan sesuatu perkara yang tergambar dalam fikiran mereka. Lazimnya, sesuatu yang digambarkan melalui fikiran itu merupakan sesuatu yang indah dan menarik atau mengembirakan. Justeru itu, apabila diluahkan segala rasa itu akan wujudlah ungkapan kreatif.

Berdasarkan pernyataan P2, beliau menggunakan kaedah yang berbeza daripada kaedah ungkapan kreatif dalam mengajarkan novel *SBDKL*. Antara cara tersebut adalah seperti kaedah main peranan, bercerita, sambung cerita serta bola beracun. Beliau sering menggunakan teknik bola beracun untuk menimbulkan keseronokan semasa belajar dalam kalangan pelajar. Penggunaan teknik bola beracun ini dilakukan oleh P2 semasa menerapkan kaedah didik hiburan dalam pengajarannya. Oleh itu, keadaan ini menunjukkan bahawa P1 memahami tentang kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel dan P2 pula tidak memahami walaupun P2 menerapkannya secara tanpa sedar.

Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Novel SBDKL bagi Guru Tingkatan Enam

Kajian ini menunjukkan bahawa P1 menggunakan kaedah ungkapan kreatif semasa mengajarkan novel *SBDKL*. Beliau mempunyai lima cara untuk menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel *SBDKL*, iaitu membuat warkah, mencipta sajak, menerapkan elemen seni lukis, mencipta syair dan penggunaan peribahasa berdasarkan situasi yang terdapat dalam novel. Bagi P2 pula, beliau menerapkan kaedah didik hibur dalam pengajaran novel *SBDKL*. Cara yang dilaksanakan ialah dengan menggunakan teknik bola beracun. Berikut merupakan perspektif peserta kajian.

P1 “Kaedah yang pertama ea, saya banyak... okey... untuk... untuk menghasilkan pelajar yang kreatif saya suka memberi arahan kepada budak untuk mencipta warkah ataupun surat. Dalam cerita Saudagar Besar... Kuala Lumpur ni, saya menggunakan watak Mahani dan juga Sudin sebagai fokus utama untuk menghasilkan sepucuk warkah. Kalau watak Mahani ni, dia mesti hantarkan surat kepada Encik Muhammad. Seperti kita tahu, Mahani kan ada simpan perasaan pada Encik Muhammad dalam diam kan? Jadi kita tahu naluri wanita tu macam mana. Jadi saya nak pelajar tu memahami watak Mahani, meluahkan isi hatinya kepada Encik Muhammad secara rahsia dalam warkah supaya kita dapat menilai perwatakan Mahani. Siapa Mahani sebenarnya dan itu saya rasa satu teknik yang menarik. Itu untuk watak Mahanilah....”

“... dari situlah saya suruh pelajar membina sajak. Menyatakan, menggambarkan betapa indahnya Jeram Medang. Suasana alam. Maknanya automatik temanya alam sekitar”.

“Saya cuba terapkan elemen seni lukis. Maknanya untuk... untuk menggambarkan perwatakan. Saya meminta pelajar melakar wajah setiap watak. Encik Muhammad macam mana? Sebab kita tak kenal watak-watak ni muka macam mana kan? Jadi sekarang ni saya suruh pelajar berimajinasi. Lakarkan watak bayangan. Muka macam mana, Encik Muhammad? Macam mana nak hasilkan muka tu bergantung kepada perwatakan. Sebagai contoh, Encik Muhammad kan koperat. Koperat mesti berpakaian kemas. Betul tak? Blazer, neck tie apa semua kan dan dia seorang berkarisma. Jadi kita boleh bayangkan watak yang dibina tu mesti menggambarkan tokoh koperat yang berjaya”.

“Yang keempat, saya juga meminta pelajar mencipta syair. Syair. Aaaaa... mengikut watak. Gambarkan perwatakan Encik Muhammad melalui syair. Jadi pelajar akan mencipta bait-bait syair...”

“Yang kelima, saya menggunakan juga peribahasa. Saya menggunakan peribahasa. Saya bagi latihan pengukuhan. Maknanya saya letakkan peribahasa kemudian pelajar kaitkan peristiwa yang berkait dengan peribahasa. Sebagai contoh, alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan. Peristiwa mana yang menggambarkan tu? Watak mana yang menggambarkan peribahasa tu? Off course Encik Muhammad. Dia ada perancangan untuk membuka ladang dekat Johor. Dia ada perancangan untuk jadikan Lembah Tualang sebagai... sebagai lombong baru yang dibukanya. Jadi kita kaitkan dengan peribahasa yang diberi...”

P2 “...dalam kelas cikgu ada yang aktif untuk bercerita. Dia akan cerita balik pada kawan-kawan diaorang, haaa... tentang bab tu. Kalau bab tu susah nak faham, dia akan bagitahulah kenapa, kenapa, kenapalah”.

Berdasarkan pernyataan peserta kajian, P1 menggunakan sebanyak lima cara dalam mengajarkan novel *SBDKL*. P1 menyatakan bahawa cara-cara yang digunakan tersebut dapat mengeluarkan ungkapan kreatif yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Cara pertama ialah P1 meminta pelajar-pelajarnya untuk mencipta warkah atau surat berdasarkan watak-watak yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Sebagai contohnya, Mahani mengirim sepucuk warkah kepada Encik Muhammad. Hal ini bagi membuatkan pelajar-pelajar memahami akan perwatakan dan sifat-sifat dalaman pada watak yang digunakan.

Dalam warkah tersebut terdapat kata-kata indah yang digunakan bagi menjelmakan ungkapan-ungkapan kreatif pelajar. Hal ini demikian kerana warkah yang dihasilkan itu merupakan satu wadah untuk pelajar meluahkan rasa hati mengikut watak yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Cara kedua ialah P1 menyuruh pelajar mencipta sajak. Sajak yang dicipta tersebut mestilah berlatarkan tempat dalam novel. Misalnya, latar tempat Jeram Medang telah dijadikan sebagai inspirasi bagi proses mencipta sajak. Hal ini demikian kerana Jeram Medang merupakan kawasan air terjun yang sangat cantik. Melalui sajak tersebut dapat menyerlahkan keindahan Jeram Medang melalui pemilihan dan penggunaan kata yang puitis dalam sajak.

Cara ketiga pula P1 meminta pelajar-pelajarnya melukis gambar setiap watak yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Lukisan wajah tersebut berdasarkan watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel. Misalnya, Encik Muhammad yang merupakan seorang ahli korporat dilukiskan gambarnya dengan gaya yang berkarisma seperti memakai *blazer* dan tali leher. Cara keempat, P1 meminta pelajar-pelajarnya mencipta syair. Syair yang dihasilkan mestilah berdasarkan watak dan perwatakan, nilai-nilai murni dan latar tempat terdapat dalam novel *SBDKL*. Pembinaan ayat-ayat dalam syair dapat membuktikan bahawa penggunaan ungkapan kreatif itu terjelma.

Cara yang terakhir ialah menggunakan peribahasa dalam pengajaran novel. Peribahasa merupakan salah satu gaya bahasa perlambangan yang terdapat dalam kaedah ungkapan kreatif. P1 mengaitkan peribahasa dengan situasi-situasi tertentu yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Contohnya, P1 menggunakan peribahasa ‘alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan’ yang menunjukkan bahawa situasi Encik Muhammad yang membuka ladang di Johor di samping membuka sektor pelancongan di Jeram Medang dan membuka lombong bijih timah di Kampung Tualang. Penggunaan peribahasa ini akan dilaksanakan pada peringkat pengukuhan pembelajaran.

Kajian ini juga mendapati bahawa P1 sering menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajarannya dengan menggunakan cara-cara berikut. Beliau sering mengulas setiap karya pelajar bagi menyemak dan menunjukkan kata-kata ungkapan kreatif yang telah dijelmakan oleh pelajar-pelajar. Selain itu, pelajar juga sering bertukar hasil kerja mereka dengan rakan-rakan mereka dan menyemak ungkapan kreatif yang telah digunakan oleh rakan-rakannya. Hal ini dilakukan sedemikian bagi mengesan pemahaman pelajar-pelajarnya berkaitan ungkapan kreatif.

Seterusnya, P2 menyatakan bahawa, beliau menggunakan kaedah didik hibur yang tertentu (teknik bola beracun). Semasa menjalankan aktiviti ini, bagi pelajar yang terkena akan menceritakan secara ringkas cerita dalam bab-bab tertentu. Sekiranya bab yang diterangkan itu sukar untuk difahami, rakan-rakan akan membantu dengan menceritakan dengan lebih terperinci agar rakan-rakan mereka boleh memahaminya. Jelaslah bahawa kaedah ungkapan kreatif itu dapat dijelmakan melalui aktiviti atau teknik yang dilaksanakan dalam mengajarkan novel *SBDKL* seperti menulis sepucuk warkah, mencipta sajak, menerapkan elemen seni lukis, mencipta syair dan mengaitkan peribahasa dengan situasi yang terdapat dalam novel.

Amalan Pengaplikasian Kaedah Ungkapan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Novel

Seterusnya, amalan pengaplikasian kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel dapat dilihat apabila kedua-dua peserta kajian sering menerapkannya dalam pengajaran novel. Selain itu, penerapan kaedah-kaedah tersebut juga sering digabungkan dengan kaedah yang lain. Sebagai contohnya, P1 menerapkan kaedah tersebut dengan kaedah kerusi panas dan kaedah teater pembaca. Manakala, P2 menggabungkan kaedah tersebut dengan kaedah main peranan, didik hibur serta improvisasi. Berikut merupakan perspektif peserta kajian.

P1 “...memang saya tak pernah tinggallah. Kan saya cakap, KMK ni ungkapan kreatif. Ungkapan kreatif tu KMK”.

“...ungkapan kreatif ni dia termasuk dalam kaedah-kaedah lain. Automatik. Kan saya cakap tadi kaedah kerusi panas, kaedah teater pembaca. Dalam tu semuanya ada ungkapan kreatif. Bukan kata tak guna kaedah lain. Guna kaedah lain tapi ungkapan kreatif termasuk dalam kaedah tu”.

P2 “...Memang cikgu akan selang selikan. Hari ni kita gunakan teknik main peranan. Besok ataupun minggu depan kita akan gunakan teknik bercerita. Selepas itu, ada teknik improvisasi dan teknik untuk kotak beracun pun ada”.

Berdasarkan pernyataan tersebut, P1 menggunakan kaedah ungkapan kreatif setiap kali mengajar. Beliau tidak pernah meninggalkan kaedah ungkapan kreatif semasa mengajar novel *SBDKL*. Menurut beliau mata pelajaran KMK itu merupakan ungkapan kreatif yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajarnya. Bagi item berkaitan penggabungan dengan kaedah lain bagi menghasilkan ungkapan kreatif, P1 menyatakan bahawa sudah semestinya kaedah ini diterapkan dengan kaedah lain seperti teater pembaca. Beliau juga menyatakan bahawa kaedah-kaedah lain juga termasuk dalam ungkapan kreatif. Hal ini demikian kerana kaedah-kaedah lain juga akan mendorong pelajar-pelajar menggunakan ungkapan kreatif seperti kata-kata yang indah serta sebagai medium kepada pelajar-pelajar untuk meluahkan perasaan mereka berpandukan novel yang dibaca. Selain itu, P2 menyatakan bahawa secara kerap menggunakan kaedah didik hibur yang menggunakan teknik bola beracun tersebut. P2 juga akan sentiasa menggabungkan kaedah tersebut dengan kaedah yang lain seperti main peranan, bercerita, improvisasi dan sebagainya. Melalui penggabungan pelbagai kaedah akan menjadikan pembelajaran lebih menarik.

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa kedua-dua peserta kajian menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel *SBDKL*. Sebagai contoh, P1 menggunakan pelbagai cara untuk menerapkan kaedah ungkapan kreatif ini, iaitu daripada aspek menghasilkan sajak, syair, menulis warkah, melukis wajah watak serta mengaitkan peribahasa dengan situasi yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Kaedah yang dilakukan ini dapat menjelmakan bait-bait ungkapan kreatif serta dapat menggalakkan pelajar menghasilkan karya bagi meluahkan perasaan mereka. Bagi P2 pula, walaupun beliau tidak memahami tentang maksud kaedah ungkapan kreatif tetapi telah menerapkannya semasa mengajarkan novel *SBDKL*. Sebagai contoh, P2 memberi tugas kepada pelajar untuk menceritakan kembali ringkasan bab dalam novel. Tindakan ini dapat menunjukkan bahawa penciptaan ungkapan kreatif dalam aktiviti yang dijalankan dapat dibuktikan apabila pelajar menceritakan kembali dengan penuh gaya bagi meluahkan rasa.

Hal ini disokong dengan pandangan Naffi Mat (2006), yang mengatakan bahawa Kaedah Ungkapan Kreatif ini dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk melahirkan perasaan, gagasan, tanggapan dan wawasan. Ungkapan kreatif mampu dijelmakan sama ada dalam bentuk tulisan, pertuturan lisan, penggunaan medium lukisan, logo, arca atau patung sebagai satu bentuk perlambangan masalah, pola pemikiran, idea atau pengalaman penulis kepada pembaca. Selain itu, dinyatakan juga bahawa melalui kaedah ungkapan kreatif ini pembaca akan dapat mengetahui dan memahami cara pemikiran kreatif pengarang. Gaya bahasa yang merupakan unsur yang penting bagi pengarang untuk menzahirkan pengalaman, pemikiran dan emosinya.

Tambahan pula, penggunaan kaedah pengajaran ungkapan kreatif ini selari dengan teori pembelajaran kognitif, iaitu pada mulanya guru mempunyai pengetahuan berkaitan maksud kaedah pengajaran ungkapan kreatif. Kemudian, melalui proses skemata berlaku, iaitu guru menerima kaedah dan teknik pengajaran lain untuk disesuaikan dengan kaedah ungkapan kreatif. Selepas itu, guru menggunakan kaedah yang pelbagai dalam proses penerapan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran novel. Bagi P2 pula berlaku pada peringkat skemata, iaitu guru menerima kaedah dan teknik lain yang disesuaikan dengan kaedah ungkapan kreatif. Oleh itu, penerapan kaedah ungkapan kreatif yang berlaku pada P2 adalah secara tanpa sedar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti penerapan kaedah ungkapan kreatif, bagi pengajaran dan pembelajaran novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)* terhadap dua orang guru Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Enam di Melaka. Tuntasnya, kaedah pengajaran sangat penting dalam PdP kerana melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru, pelajar-pelajar akan lebih memahami isi pelajaran tersebut. Justeru, semua guru seharusnya mengambil berat terhadap perkara ini. Pihak sekolah juga memainkan peranan penting dengan memantau penggunaan kaedah oleh guru agar pengajaran menjadi lebih menarik, di samping memberi pemahaman yang jelas kepada pelajar-pelajar. Nyatalah bahawa, kaedah pengajaran dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran guru lebih sistematik dan berfokus dapat dilaksanakan. Selain itu, dapat menambahkan pemahaman terhadap isi pengajaran dan menjadikan pengajaran itu sesuatu yang menyeronokkan.

RUJUKAN

- Ani Omar. (2015). Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Jurnal Pendeta* 5(1), 1-3.
- Bahagian Perkembangan Kurikulum. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Kesusasteraan Melayu Komunikatif: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Fathia Rosyida, Sutrimah Sutrimah, Garwati Garwati. (2021). Hasil Kajian Sintaksis Novel Selamat Tinggal karya Tere Liye Sebagai Bahan Ajar Mata Pelajaran Bahasa Indonesia. *Jurnal Pendidikan Edutama Vol 8, No 2 (2021)*, 15-26.
- Ibrahim Salleh. (1985). Pengajaran Kesusasteraan Melayu: Satu Kajian Mengenai Permasalahannya Di Peringkat Tingkatan 4 Dan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis Ijazah Master. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* di Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012. Dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, Johor Bahru.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). *Kesusasteraan Melayu Komunikatif: Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh*. [Atas Talian]
<http://portal.mpm.edu.my/documents/10156/473785d2-ecf9-4ac4-b39c619a7ead524b> (23 April 2020).
- Maridah Alias. (2005). *Kesesuaian Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Zaki Mohamad. (2012). *Gaya Pembelajaran Yang Dominan Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Kemahiran Mara Di Johor Bahru*. Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Rasdi Saamah. (2001). Pelaksanaan KOMSAS Dalam Pelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah. [Atas Talian]
https://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Microsoft%20Word%20%20Kajian_Komsas.pdf (4 Jun 2020).
- Muliana Tanah. (2011). *Pendekatan pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah di zon Lahad Datu*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Naffi Mat. (2006). *Teknik Mengajar KOMSAS Komponen Sastera*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rafiza Abdul Razak (2013). Pembelajaran Berasaskan Penghasilan Penceritaan Digital Multimedia Bagi Menganalisis Novel Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia 38(1)*, 56.
- Siti Nurliyana Ab Halim. (2015). *Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan Kesan Masalah Membaca Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(1)*, 97-98.